

Banjir beransur pulih di Johor, Melaka

KUALA LUMPUR: Keadaan banjir di Johor dan Melaka beransur baik dengan mangsa yang tinggal di pusat pemindahan semakin berkurangan, menurut laporan portal banjir Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Di Johor, seramai 498 orang berada di lapan pusat pemindahan banjir sehingga petang ini berbanding 1,095 orang pada sebelah pagi, dan di Melaka hanya 61 orang berbanding 134 orang pagi semalam.

Di Perak, yang masih berada di pusat pemindahan ialah 134 orang, Selangor (983 orang) dan Negeri

Sembilan (34 orang), tidak berubah sejak pagi semalam, menurut MKN.

Sehingga petang semalam hanya 1,710 orang masih berada di pusat pemindahan berbanding 2,380 mangsa banjir di sebelah pagi.

Sementara itu, portal Jabatan Pengairan dan Saliran berkata paras air di sungai utama di Selangor, Johor, Negeri Sembilan dan Pahang masih melebihi aras amaran, manakala paras air di Sarawak sudah melebihi aras bahaya dan orang ramai yang berada di sekitar kawasan itu diminta berjaga-jaga. - Bernama.